

KESEDARAN PENYUSUAN DI TEMPAT AWAM KAJIAN DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI SELANGOR

Norita Kamaruddin, Nora'inan Bahari, Zanariah Dimon, Nurhayati Abd. Ghani,
norita@kuis.edu.my, norainan@kuis.edu.my, zanariah@kuis.edu.my,
nurhayati.ag@kuis.edu.my,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

Abstrak

Kesedaran masyarakat Islam terhadap kepentingan pemahaman berkaitan penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam sangat perlu dititikberatkan. Perkembangan isu terkini berkaitan dengan penyusuan di tempat awam seperti berswafoto semasa menyusu melibatkan bukan sahaja orang bukan Islam tetapi juga orang Islam sedangkan perlakuan ini adalah bertentangan dengan adab penyusuan dalam Islam telah menimbulkan persoalan tentang sejauhmana kefahaman masyarakat dalam isu ini. Artikel ini bertujuan membincangkan berkaitan tahap kesedaran masyarakat Islam di Selangor berkaitan penyusuan di tempat awam. Kajian ini dilakukan secara lapangan dan menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikumpulkan melalui instrumen soal selidik yang diedarkan kepada 400 orang responden yang melibatkan tiga lokasi di negeri Selangor iaitu di zon utara (daerah Hulu Selangor), zon tengah (daerah Klang) dan zon selatan (daerah Sepang). Dapatan kajian menunjukkan para responden mempunyai tahap kesedaran sederhana berkaitan penyusuan di tempat awam dengan purata nilai min 3.14. Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Selangor kurang terdedah dengan hukum penyusuan di tempat awam.

Kata kunci: Kesedaran, masyarakat, Islam, tempat awam, susu

PENDAHULUAN

Pada masa kini, hampir kesemua ibu-ibu yang melahirkan bayi akan memberikan susu kepada bayi mereka (98.1%) kerana susu ibu mampu memberi tumbesaran yang baik kepada bayi. (Harian Metro, 15 Ogos 2017). Namun, dalam membincangkan isu penyusuan ini, pelbagai aspek perlu dilihat terutama apabila ia berkaitan dengan hukum, yang kadang-kala dilihat remeh oleh sesetengah pihak.

Pola peningkatan kehidupan masyarakat sentiasa berubah seiring dengan peredaran masa dan pembangunan teknologi yang memperlihatkan bahawa umat Islam sedang berada di bawah penguasaan materialisme atau fahaman kebendaan. Segenap sektor kehidupan manusia kelihatan ditunjangi oleh unsur-unsur dan budaya luar sehinggakan perkara yang dianggap penting juga dipandang ringan. Perkara yang sama terjadi kepada kesedaran masyarakat Islam berkaitan hukum-hukum penyusuan.

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauhmana kesedaran responden dalam kalangan masyarakat Islam di Selangor daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan sosial mengenai hukum-hukum penyusuan dalam Islam. Pemilihan responden yang terdiri daripada masyarakat Islam merangkumi lelaki dan perempuan sama ada yang bujang mahupun yang sudah berkahwin sangat sesuai memandangkan mereka mempunyai latar belakang pendidikan dan sosial yang pelbagai.

Antara perkara yang menjadi perhatian penyelidik dalam kajian ini ialah kesedaran mereka dari sudut hukum penyusuan, hak anak terhadap susuan, hak dan kewajipan bapa dalam penyusuan anak, kesan penyusuan terhadap anak susuan dan isu-isu semasa berkaitan penyusuan seperti derma susu dan menyusukan anak di

khalayak awam (*nursing in public*). Walau bagaimanapun, fokus kertas kerja ini adalah mengenai hasil dapatan kesedaran masyarakat Islam di Selangor berkaitan penyusunan di tempat awam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada 400 orang responden. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 22.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap kesedaran masyarakat Islam. Semua dapatan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan perbincangan.

Negeri Selangor dipilih sebagai lokasi kajian dan dibahagikan kepada daerah mengikut zon utara, tengah dan selatan. Bagi zon utara, penyelidik memilih daerah Hulu Selangor. Bagi zon tengah, penyelidik memilih daerah Klang. Manakala daerah Sepang dipilih untuk mewakili zon selatan. Pemilihan lokasi ini bertepatan dengan pendapat Neuman (2006), Marohaini Yusof (2004) dan Sidek Mohd. Noah (2002) yang mencadangkan empat faktor untuk ditimbang dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, ketidakbiasaan (*unfamiliarity*), sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Pemilihan lokasi ini adalah melibatkan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai alat utama dalam pengumpulan data. Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al, 1996). Melalui kaedah ini juga penyelidik berupaya melakukan inferens secara statistik daripada sampel kepada populasi kajian (Berenson & Levine, 1992).

Dalam kajian ini, pemilihan jumlah sampel ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Uma Sekaran (2003) berkenaan bilangan dan formula pemilihan sampel serta mendapati jumlah sampel yang telah dipilih adalah yang terbesar. Berikut adalah jadual pemilihan sampel kajian:

JADUAL 1: Pensampelan kajian sebenar

Bil	Lokasi Populasi	Persampelan	
1	Zon Utara – Hulu Selangor	198,132 penduduk	100 sampel
2	Zon Tengah – Klang	861,189 penduduk	200 sampel
3	Zon Selatan – Sepang	211,361 penduduk	100 sampel

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan tentang kesedaran mengenai penyusuan di tempat awam (*nursing in public*). *Nursing in public* diharuskan dalam Islam (Min = 2.78, SP = 1.26), kemudahan *nursing room* mencukupi di tempat-tempat awam (Min = 3.07, SP = 1.30), berswafoto (*selfie*) ketika menyusu di tempat awam dibenarkan oleh Islam (Min = 1.78, SP = 1.13), isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam (Min = 4.42, SP = 0.94), dan menyusukan anak di tempat awam adalah tidak sopan (Min = 3.65, SP = 1.23).

JADUAL 2: B1 – Kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak dan kewajipan ibu

Item	Kekerapan & Peratus					Min & SP
	STS	TS	TP	S	SS	
<i>Nursing in public</i> diharuskan dalam Islam	102 (25.5)	33 (8.3)	147 (36.8)	85 (21.3)	33 (8.3)	2.78 (1.26)
Kemudahan <i>nursing room</i> mencukupi di tempat awam	56 (14.0)	83 (20.8)	107 (26.8)	82 (20.5)	72 (18.0)	3.07 (1.30)
<i>Selfie</i> ketika menyusu di tempat awam dibenarkan oleh Islam	237 (59.3)	65 (16.3)	65 (16.3)	14 (3.5)	19 (4.8)	1.78 (1.13)
Isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam	6 (1.5)	17 (4.3)	44 (11.0)	68 (17.0)	265 (66.3)	4.42 (0.94)

Menyusukan anak di tempat awam adalah tidak sopan	26 (6.5)	50 (12.5)	92 (23.0)	102 (25.5)	130 (32.5)	3.65 (1.23)
Jumlah					400	3.14

Dapatan item-item kategori ini juga menunjukkan hasil yang berbeza. 1. *Nursing in public* diharuskan dalam Islam (TP: 147 – 36.8%), 2. Kemudahan *nursing room* mencukupi di tempat awam (TP: 107 – 26.8%), 3. Berswafoto (*selfie*) ketika menyusui di tempat awam dibenarkan oleh Islam (STS: 237 – 59.3%), 4. Isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam (SS: 265 – 66.3%), dan 5. Menyusukan anak di tempat awam adalah tidak sopan (SS: 130 – 32.5%).

Pada asasnya, responden mengakui penyusuan perlu dibuat secara beradab di tempat awam. Contohnya, 59.3% sangat bersetuju supaya tidak berswafoto ketika menyusui di tempat awam. Walaupun begitu, 36.8% tidak pasti tentang hukum penyusuan di tempat awam (*nursing in public*).

Berdasarkan dapatan di atas, kesedaran tentang hukum penyusuan di tempat awam secara menutup aurat adalah sederhana. Namun begitu, aspek adab, menghormati hak orang lain dan tidak mengganggu keselesaan awam ketika menyusui perlu dititikberatkan. Oleh itu, semua pihak perlu bertanggungjawab dan mengambil inisiatif menyediakan tempat penyusuan yang sesuai dan selesa untuk ibu-ibu menyusui bagi menjaga adab dan maruah mereka.

PERBINCANGAN

Islam mengiktiraf hak ibu dan hak anak terhadap penyusuan, tetapi perlulah mengikut lunas-lunas syarak. Isu sebenar di sini adalah isu pendedahan aurat yang mana adalah haram untuk tontonan umum. Islam tidak melarang seseorang ibu menyusukan anak di tempat awam selagi tidak mendedahkan aurat (Asmak Husin, 2016). Menyusukan

anak di khalayak hukumnya harus dengan syarat aurat si ibu tertutup dan terpelihara. Selagi si ibu memenuhi syarat yang utama ini, maka tiada masalah untuk si ibu menyusukan anak di mana pun mereka berada (Jamilah Mokter, 2016).

Kesedaran mengenai kepentingan penyusuan kepada bayi kini dibahaskan bukan sahaja oleh masyarakat setempat bahkan turut berlegar di media massa. Terdapat laman web yang khusus membincangkan mengenai penyusuan bayi. Kajian yang dijalankan oleh Sarah A. Keim et al (2014) mendedahkan bahawa laman web tersebut berkongsi mengenai ibu susuan, prosedur untuk mengambil susu serta langkah teliti dalam memastikan susu tidak tercemar. Malaysia juga tidak terkecuali membincangkan isu ini dalam media sosial. Berkongsi pengalaman bukanlah isunya. Apa yang menjadi isu adalah apabila para ibu berswafoto (*selfie*) semasa sedang menyusukan bayi dan memuatnaik gambar tersebut di media sosial untuk tatapan awam (Rahmad Bah, 2016). Oleh itu, kedua-dua keadaan sama ada ibu menyusukan bayinya di tempat awam atau berswafoto dan memuatnaik dalam media sosial, hukumnya adalah sama.

Dewasa ini, terdapat banyak inovasi pakaian untuk kemudahan para ibu menyusukan anak di tempat-tempat awam seperti *nursing cover*, *nursing clothes*, *breastfeeding clothes* dan sebagainya. Selain daripada itu, pihak berkuasa tempatan dan pemilik-pemilik perniagaan menyediakan tempat penyusuan khas yang selesa dan sesuai. Ini selaras dengan syor isteri perdana menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansur semasa merasmikan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2015 (Bernama, 25 Ogos 2015).

Secara umumnya, masyarakat hari ini lebih mudah menerima dan tidak memandang serong kepada wanita yang menyusukan anak di khalayak atau di tempat-tempat awam, tetapi harus dilakukan dengan cara yang tidak mendedahkan aurat. Walaupun

gambar tersebut menutup aurat, isu yang timbul adalah isu adab dan maruah selaras dengan hadith:

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ عُمَيْبَةَ بْنِ عَمْرِو الْأَنْصَارِيِّ الْبَدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ((إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبُوَّةِ إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ -
((رواه البخاري.

Daripada Abu Mas'uud 'Uqbah ibn 'Amru al-Ansarie al-Badrie r.a. beliau berkata: Rasulullah SAW telah bersabda:

Sesungguhnya antara kata-kata ungkapan Kenabian terdahulu yang dapat diketahui dan dipetik oleh manusia ialah: Jika engkau tidak malu, maka lakukanlah apa sahaja yang engkau mahu.

[Hadis riwayat al-Imam al-Bukhari.]

Sungguhpun penyusuan anak adalah sesuatu yang digalakkan dalam Islam, menghormati hak orang lain dalam masyarakat juga adalah satu tuntutan dalam agama. Dalam hal ini, hak-hak individu dalam masyarakat hendaklah diseimbangkan.

PENUTUP

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, dapatan kajian menunjukkan para responden tahap memuaskan berkaitan dengan adab semasa penyusuan khususnya di tempat awam. Majoriti responden menjawab pada darjah persetujuan tidak pasti menunjukkan responden kurang terdedah dengan hukum penyusuan berkaitan penyusuan di tempat awam. Justeru pemahaman yang sahih dalam isu ini perlu kepada kedua-dua pihak ibu dan bapa terutamanya agar hak anak ini dapat dipenuhi.

RUJUKAN

- Ary, D, Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to Research in Education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.
- Asmak Husin, 2016. *Boleh susukan anak di tempat awam*. 17 Ogos 2017, dari www.pum.org.my.
- Berenson, M. L. & Levine, D. M. 1992. *Basic Business Statistics: Concepts and Applications*. Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Bernamea, 2015. Wujudkan kemudahan penyusuan susu ibu di tempat awam – Rosmah. 17 Ogos 2017 dari www.utusan.com.my.
- Carroll Katherine, Bryden S Lenne, Kerri Mcgan. 2014. Breast milk donation after neonatal death in Australia: a report. *International Breastfeeding Journal* 9(23). London: BioMed Central.
- Harian Metro. 2017. Cabaran Penyusuan Badan, 15 Ogos 2017 dari www.hmetro.com.my/hati/2017/08/253861/cabaran-penyusuan-badan.
- Jamilah Mokter. 2016. Wajarkah menyusukan anak di khalayak? 17 Ogos 2017. dari www.sinarharian.com.my.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30. 607-610. California: Sage Journal US

Kerlinger, Fred N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. 2nd Ed. New York: Rinchart and Winston.

Neuman, W. Lawrence. 2006. *Social Research Methods*. Ed. Ke- 5. New York: Pearson Education Inc.

Sarah A. Keim, Kelly A. McNamara, Chenali M. Jayadeva, Ashlea C, Braun Chelsea, E. Dillon, Sheela R. Geraghty. 2014. Breast milk sharing via the internet: the practice and health and safety considerations. *Matern Child Health Journal* 18(1). 1471 – 1479. New York: Springer Science + Bussiness Media.

Rahmad Bah. 2016. Viral: Kes Selfie Menyusu Anak dan Memuatnaik di Laman Sosial. 17 Ogos 2017, dari <http://www.rahmadgraphic.my/2016/01/viral-kes-selfiemenyusu-anak-dan.html>.